



UUM ONLINE: Presiden Maejo University, Thailand Asst Prof Dr Chamnian Yosraj merupakan antara tujuh pegawai kanan dan 90 mahasiswa universiti itu yang mengadakan lawatan ke College of Law, Government and International Studies (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kunjungan ini antara lain bertujuan membuka lembaran baru untuk kerjasama dua hala antara Maejo University, Thailand dan UUM.

Maejo University terletak di wilayah utara Thailand merupakan universiti tertua di negara itu ditubuhkan pada 7 Jun 1943 sebagai *Agricultural Teachers Training School* bahagian Utara Thailand di bawah kendalian Kementerian Pendidikan negara itu.

Bagaimanapun, universiti itu dipindahkan untuk diuruskan di Kementerian Pertanian sebelum bertukar nama kepada *Kasetsart Preparatory School* bagi melahirkan graduan yang memfokuskan bidang pertanian.

Kemudian namanya bertukar lagi kepada *Maejo Agricultural School* yang banyak memberi perkhidmatan sebagai stesen penyelidikan seterusnya diiktiraf sebagai Maejo University pada 19 Februari 1975.

Penubuhannya mendapat kelulusan Parlimen Thailand pada 12 November 1996 bagi membangunkan graduan-graduan mahir dari segi teknikal, teknologi pertanian serta menyediakan sumber tenaga manusia dalam bidang pertanian.

Turut mengiringi presiden dalam lawatan ini ialah Naib Presiden Hubungan Antarabangsa, Asst Prof Dr Yongyooth Srigiofun; Naib Presiden Penyelidikan dan Pembangunan Rangkaian, Assoc Prof Dr Chelermchai Panyadee; Pengarah Bahagian Perancangan, Jinda Janthi; Pengarah Maejo University Kampus Chumphon, Somporn Meesaengkaew dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my